

SIMPULAN BAHASA

- ☺ **Simpulan bahasa** merupakan dua kata yang disimpulkan secara ringkas.
- ☺ Simpuln bahasa singkat tetapi padat, kerana simpulan bahasa dapat menjelaskan makna sesuatu perkara yang dikatakan.
- ☺ Lihat contoh simpulan bahasa serta maksudnya di bawah ini:

	SIMPULAN BAHASA	MAKSUD	CONTOH AYAT
1	Ambil berat	Mengambil perhatian serius terhadap sesuatu perkara.	Dahlia sentiasa <u>ambil berat</u> terhadap kesihatan tubuh badannya.
2	Buta huruf		Kerajaan berusaha untuk mengurangkan kadar <u>buta huruf</u> di kalangan penduduk luar bandar.
3	Cepat tangan	Cekap mencuri	Tuan Hazman tidak tahu bahawa pembantu kedainya <u>cepat tangan</u> .
4	Harga mati		Semua barangan di pasar raya itu dijual dengan <u>harga mati</u> .
5	Kutu embun	Merayau pada malam hari tanpa hala tuju dan sebab-sebab yang munasabah.	Kebanyakan pemuda pemudi yang menjadi <u>kutu embun</u> di bandar ini ialah penganggur.
6	Upas kudung		Wah, macam <u>lipas kudung</u> kamu membuat kerja itu! Kerja yang ambil masa sejam dapat kamu siapkan dalam masa setengah jam", kata penyelia kepada pekerja baru itu.
7	Orang gaji	1. Pembantu rumah 2. Orang suruhan.	<u>Orang gaji</u> puan Armah berasal dari Indonesia.
8	Pasar gelap		Barang-barang yang diseludup itu hanya dapat dibeli di <u>pasar gelap</u> .
9	Rambang mata	Sukar membuat pilihan (kerana terlalu banyak pilihan).	Puan Noraini <u>rambang mata</u> kerana dia suka akan ketiga-tiga pasang kasut yang diperagakan itu.
10	Langkah kanan		Wazi betul-betul <u>langkah kanan</u> kerana baru tiga tahun bekerja di syarikat itu dia sudah dinaikkan pangkat.